

15/07/1998

Surat layang, buku lucah terkawal

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata gejala surat layang dan penerbitan buku berunsur lucah di negara ini tidaklah membimbangkan.

Katanya, surat layang hanya timbul bermusim iaitu semasa pilihan raya atau pemilihan pucuk pimpinan parti, manakala penerbitan berunsur lucah kebanyakannya dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah.

"Buku di pasaran sentiasa diawasi, terutama dari segi kandungannya," katanya yang juga Menteri Dalam Negeri dalam jawapan bertulis kepada Badrul Hisham Abdul Aziz (BN-Hulu Langat) di Dewan Rakyat, semalam.

Badrul dalam soalnya meminta penjelasan mengenai tahap keseriusan gejala surat layang dan penerbitan buku berunsur negatif.

Dr Mahathir juga berkata, sebanyak 323 penerbitan buku dikenakan Perintah Larangan pengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 sejak 1993 hingga 1997.

Daripada jumlah itu, 132 adalah penerbitan bahasa Cina manakala 191 penerbitan bukan bahasa Cina.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam jawapan bertulisnya kepada Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar) berkata kementerian itu telah menerima 12 permohonan setakat ini untuk pengecualian cukai bagi wang yang dibawa masuk ke negara ini.

Bagi menggalakkan pemastautin menghantar pulang dana yang tersimpan di luar negeri, kerajaan pada 20 Mei lalu mengumumkan pengecualian cukai bagi wang yang dibawa masuk sebelum 31 Disember ini.

Mengenai kedudukan luaran sistem perbankan, Anwar berkata ia menunjukkan bahawa tanggungan luaran bersih sistem perbankan telah berkurangan sebanyak RM13.7 bilion di antara akhir Jun 1997 dan akhir Mei 1998.

Ketika menjawab soalan bertulis Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka), beliau yang juga Menteri Kewangan berkata penyiasatan terhadap Sime Bank Berhad (Sime Bank) oleh Bank Negara Malaysia sudah hampir selesai.

Katanya, sebahagian hasil penyiasatan awal sudah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk perbincangan, pandangan dan tindakan selanjutnya.

(END)